

“Sports4ALL Online Challenge”



Ingin menunjukkan bakat sukan anda? Ingin menunjukkan apa yang anda boleh mencapai dalam masa 1 minit? Maka janganlah terlepas peluang anda untuk menyertai "2020 Sports4ALL Online Challenge" yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MMK Belia dan Sukan Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang. Cabaran tersebut akan bermula pada 11 Mei selama 5 minggu, dan setiap minggu mempunyai tema cabaran sukan yang berbeza seperti berikut:

Cabaran Menimbang Bola Sepak	11-17 Mei
Cabaran Menimbang Sepak Takraw	18-24 Mei
Cabaran Menimbang Pingpong	25-31 Mei
Cabaran Pukulan Badminton	1-7 Jun
Cabaran Lompat Tali	8-14 Jun

“Sports4All Challenge” adalah terbuka untuk semua warga negara Malaysia. Setiap aktiviti cabaran dibahagikan kepada 5 kumpulan umur, iaitu di bawah 12 tahun, di bawah 18 tahun, di bawah 30 tahun, di bawah 45 tahun dan lebih dari 46 tahun. Ini selaras dengan inisiatif “Sukan untuk Semua”. Agar setiap kumpulan usia dapat turut serta. Setiap cabaran perlu diselesaikan dalam masa 1 minit, kecuali cabaran lompat tali yang hanya memerlukan masa 30 saat. Peraturan cabaran boleh didapati di laman Facebook rasmi “Sports For All Penang”. Pendaftaran adalah percuma.

Peserta haruslah merakamkan proses cabaran tersebut, dan memuat naik video tersebut ke akaun Facebook mereka masing-masing serta menandakan (Hashtag) #Sports4AllChallenge + (sukan yang mencabar), #(tahap umur), dan #sportsforallpenang, misalnya: **#Sports4AllChallengeBolasepak**
#U18
#sportsforallpenang.

Ini adalah untuk memudahkan proses penilaian. Untuk memudahkan para peserta untuk memahami cabaran ini, pihak penganjur akan memaparkan contoh video setiap cabaran ke laman "Sports For All Penang" di *Facebook*.

Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, mengatakan bahawa disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) buat masa ini, banyak jenis sukan belum dibuka sepenuhnya. Dengan ini, dengan usaha MMK Belia dan Sukan Pulau Pinang dan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, program ini dianjurkan untuk disertai oleh semua peminat sukan di Malaysia.

Hadiah-hadiah yang bernilai sebanyak RM24,000.00 telah disediakan untuk para peserta. Pemenang tempat pertama dari setiap kumpulan umur akan memenangi jersi sukan yang berjenama. Pemenang tempat kedua akan memenangi jaket sukan, dan tempat ketiga akan memenangi beg galas sukan. Akhir sekali, tempat keempat hingga kesepuluh akan memenangi beg kasut. Keputusan pemenang akan diumumkan 5 hari selepas berakhirnya setiap acara. Pihak penganjur akan menghubungi setiap pemenang untuk mengesahkan identiti, dan hadiah akan dikirimkan secara pos ke alamat yang didaftarkan oleh peserta dalam masa 3 minggu.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman Facebook "Sports For All Penang" dan "Penang State Sports Council" atau menghubungi kami di atas talian 04-6505136 atau 017-7748197.